

30 MAY 2000

Badariah-Lantik

BADARIAH KETUA SETIAUSAHA SULIT BARU PM

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Timbalan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Datuk Badariah Arshad dilantik sebagai Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, menggantikan Tan Sri Abdul Aziz Ismail yang akan bersara Khamis ini.

Pelantikan itu menjadikan Badariah, 54, sebagai pegawai wanita pertama dilantik menyandang jawatan itu.

Menurut kenyataan akhbar Pejabat Perdana Menteri hari ini, Abdul Aziz akan menamatkan khidmatnya dengan kerajaan pada 1 Jun setelah berkhidmat selama 33 tahun 10 bulan.

Badariah telah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri sejak Oktober 1995 selepas memegang jawatan Pengarah Unit Sistem Maklumat Pengurusan Ketua Eksekutif (SMPKE) di Pejabat Perdana Menteri mulai Mei 1991.

Anak kelahiran Johor itu adalah lepasan Universiti Malaya dengan ijazah sarjana muda Ekonomi pada 1969 dan memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Tadbir Negeri Johor.

Beliau memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada 1973 dan berkhidmat di Kementerian Penerangan, seterusnya di Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri pada 1980. Beliau bertukar jawatan ke Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perdana Menteri pada 1985.

Abdul Aziz mula berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri pada 1977 sekembalinya dari mengikuti kursus Masters of Public Administration di University of Southern California, Amerika Syarikat.

Beliau ditempatkan di Bahagian Kabinet sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri ketika itu, Tun Hussein Onn, pada tahun 1979.

Apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai Perdana Menteri pada 1981, Abdul Aziz adalah Timbalan Ketua Setiausaha Sulit sebelum memegang jawatan Ketua Setiausaha Sulit pada 1983 sehingga tarikh persaraan wajibnya pada 1 Dis 1997, menurut kenyataan itu.

Selepas itu, khidmat Abdul Aziz dilanjutkan secara kontrak sehingga 31 Mei 2000.

Abdul Aziz mendapat pendidikan awal di Sultan Ismail College, Kota Baharu, kemudian di Victoria Institution Kuala Lumpur sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan menamatkan pengajian pada 1966.

Beliau mula berkhidmat dengan kerajaan pada Ogos 1966 dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Belia dan Sukan. Beliau ditukarkan ke Bahagian Latihan dan Biasiswa, Jabatan Perkhidmatan Awam (pada masa itu Pejabat Perjawatan Persekutuan) pada 1968.

Abdul Aziz dipinjamkan ke Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dari 1971 hingga 1975.

-- BERNAMA

HS NMO